

**SOALAN NO.: 39**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
KAWASAN : LIBARAN  
TARIKH : 29 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**SOALAN:**

**YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah proaktif yang boleh diambil bagi membaik pulih keadaan rangkaian jalan raya utama di Sabah yang menghubungkan dari satu daerah ke daerah yang lain khususnya dalam aspek pengurusan dan pentadbiran infrastruktur tersebut bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya tempatan terus terjaga.

75

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pihak Kementerian Kerja Raya sentiasa berusaha daripada masa ke semasa untuk mempertingkatkan aspek pengurusan dan pentadbiran bagi penyenggaraan jalan-jalan Persekutuan di seluruh negara termasuk di negeri Sabah.

Bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna pihak Kementerian telah mengambil langkah proaktif bagi membaik pulih keadaan jalan Persekutuan. Antara langkah-langkah untuk mempertingkatkan kualiti penyelenggaraan jalan persekutuan adalah dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi baru seperti *Cold-In-Place Recycling* (CIPR). Lain-lain teknologi adalah seperti PMA, SMA, CMA bagi maksud meningkatkan tahap kualiti jalan yang disenggara. Bagi tempoh jangka panjang teknologi baru ini memberikan hasil yang lebih baik dan dapat mengurangkan kos sehingga 30% daripada kaedah konvensional sedia ada.

Disamping itu, bagi maksud memastikan kualiti dan keberkesanan penyenggaraan jalan-jalan Persekutuan supaya sentiasa berada dalam keadaan memuaskan, Kementerian ini melaksanakan pemantauan prestasi syarikat-syarikat konsesi melalui pelaksanaan lawatan pemantauan setiap tiga (3) kali setahun dan Mesyuarat Penyelarasan/Pemantauan Jalan Persekutuan setiap empat (4) kali setahun. Dalam masa yang sama, pihak JKR Negeri dan JKR

Bahagian turut dipertanggungjawabkan untuk mengawasi kerja-kerja-kerja syarikat konsesi ini. Sebagai contoh, bagi kerja-kerja berkala pavemen, pihak syarikat perlu melaksanakan pengujian dan penyemakan laporan pengesahan kualiti (Quality Assurance-QA) dan laporan kawalan kualiti (Quality Control-QC) sebelum JKR Daerah atau JKR Bahagian mengesahkan bayaran bagi kerja-kerja yang telah dibuat.

Untuk masa hadapan, Kerajaan juga sedang mempertimbangkan cadangan kontrak baharu iaitu pelaksanaan berasaskan kaedah *Performance Based Contract* (PBC). Beban kemerosotan prestasi jalan sebelum ini yang ditanggung oleh Kerajaan sepenuhnya akan ditanggung bersama oleh syarikat konsesi dengan anggaran kos yang telah dipersetujui. Ini secara tidak langsung ia menghasilkan pentadbiran infrastruktur yang lebih baik dalam memastikan aset Kerajaan berfungsi secara efisien.

Sekian, terima kasih.